

**ASPIRASI PEKERJAAN PELATIH-PELATIH KOLEJ KEMAHIRAN BELIA  
NASIONAL (PONTIAN) TERHADAP LATIHAN YANG DIKUTI**

**MOHMAD YAKOB BIN JABAR**

Laporan Projek ini dikemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan  
(Teknikal dan Vokasional)

FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

OKTOBER 2007

Dedikasi,

“Khas untuk ayahanda dan bonda tersayang serta isteri dan anakanda. Juga rakan seperjuangan yang sama-sama menempuh suka-duka dalam perjuangan menimba ilmu.

Semoga kita bersama-sama mencapai kejayaan yang diimpikan”

## PENGHARGAAN

Bersyukur kita kehadiran Ilahi kerana dengan keizinanNya saya berjaya menyempurnakan kajian saya ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Penyelia Kajian Pendidikan ini, Dr Yahya Bin Buntat di atas tunjuk ajar, nasihat dan sokongan sehinggalah saya berjaya menyudahkan kajian ini.

Tidak lupa juga setinggi-tinggi terima kasih buat Pengetua SMK Dato' Ali Haji Ahmad, yang tidak jemu-jemu dalam memberi dorongan dalam mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan mengorbankan masa dalam memberi tunjuk ajar dalam bidang pendidikan yang semakin mencabar ini.

Untuk keluarga tersayang, bonda dan ayahanda, teristimewanya isteri yang sentiasa memahami dengan kesulitan, kesibukan saban waktu dalam menyiapkan tugas ini.

Dengan doa dan harapan yang tidak putus-putus dari mereka saya dahului dengan jutaan terima kasih. Akhir sekali saya juga mengucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat, rakan seperjuangan yang sentiasa mahu berkongsi idea, memberikan dorongan, nasihat dan tunjuk ajar.

## ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mengenalpasti secara kolektif aspirasi kerjaya pelatih-pelatih Kolej Kemahiran Belia Nasional (Pontian) terhadap latihan yang diikuti. Bagi mencapai tujuan ini, seramai 98 orang pelatih telah dilibatkan secara rawak melalui soal selidik yang diedarkan sendiri oleh penyelidik. Data yang diperolehi diproses dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS versi 15.0) untuk mendapatkan taburan kekerapan, peratusan dan min. Kajian mendapati secara majoritinya pelatih mempunyai aspirasi pekerjaan yang positif terhadap latihan yang diikutinya iaitu pelatih setuju mengenai keperluan pendidikan latihan kemahiran dalam pembangunan ekonomi di Malaysia, percaya tentang harapan mereka terhadap institusi kemahiran, setuju kebolehan lepasan institusi kemahiran menyesuaikan diri dalam pekerjaan, setuju jenis pekerjaan yang akan diceburi setelah tamat latihan dan setuju input dari pihak industri bermanfaat kepada kedua-dua pihak melalui latihan dalam industri.

## **ABSTRACT**

The purpose of this study was to recognise or to identify collectively the job aspiration among Kolej Kemahiran Belia Nasional (Pontian) trainees towards their training. This descriptive study utilised a set of questionnaire which was distributed to 98 randomly selected trainees by the researcher. The data collected were processed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS version 15.0) in order to find distribution of frequency, percentage and mean. Several conclusions were drawn from the findings of the study that indicated the majority of the trainees possessed positive job aspiration towards the training skills, which the trainees agreed with the need of training skills education in the economic development of Malaysia, the trainees had faith in the skills training institution in producing workers, the trainees agreed with the capability of the institution leaver to adapt their new job environment, the trainees agreed on their nature of job upon graduation and and the trainees agreed that input gained from the institutions and business/industry are mutually beneficial through industrial training.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PERAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>Kandungan</b>	<b>vii</b>
	<b>Senarai Jadual</b>	<b>xi</b>
	<b>Senarai Rajah</b>	<b>xiii</b>
	<b>Senarai Singkatan</b>	<b>xiv</b>
	<b>Senarai Lampiran</b>	<b>xvi</b>
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.2.1 Pecahan Hala Tuju Pelajar Lepas SPM 2005 dan Kadar Pengangguran Negara	3
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Persoalan Kajian	7
	1.6 Rasional Kajian	7
	1.7 Kepentingan Kajian	7
	1.8 Batasan dan Skop Kajian	8
	1.9 Definisi	8

1.9.1	Aspirasi	8
1.9.2	Pelatih	9
1.9.3	Latihan	9
1.9.4	Pusat Latihan	9
1.9.5	Kerjaya	10
1.9.6	Pekerjaan	10
<b>2</b>	<b>TINJAUAN PENULISAN</b>	<b>11</b>
2.1	Pendahuluan	11
2.2	Hala Tuju Pelajar Lepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	12
2.2.1	Sistem Persekolahan Rasmi	13
2.2.2	Pendidikan Teknikal dan Vokasional Menengah Atas	13
2.2.3	Pendidikan Lepas SPM (Teknik dan Vokasional dan Latihan)	14
2.2.4	Laluan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia	16
2.3	Aspirasi Pekerjaan dan Pendidikan	17
2.4	Keperluan Pendidikan Latihan Kemahiran Dalam Pembangunan Ekonomi Malaysia	19
2.5	Minat dan Sikap Individu	20
2.6	Kesediaan Institusi Latihan	20
2.6.1	Kurikulum Yang Berkesan	21
2.6.2	Tenaga Pengajar	22
2.6.3	Iklm Pembelajaran	23
2.7	Pemilihan Kerjaya dan Manfaat Latihan Industri	23
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>25</b>
3.1	Pendahuluan	25
3.2	Rekabentuk Kajian	25
3.3	Tempat Kajian	26

3.4	Populasi dan Sampel Kajian	26
3.5	Instrumen Kajian	27
3.6	Kajian Rintis	29
3.7	Prosedur Kajian	29
3.8	Analisis Data	30
3.9	Kesimpulan	30
<b>4</b>	<b>ANALISIS DATA DAN PENDAPATAN</b>	<b>31</b>
4.1	Pendahuluan	31
4.2	Bahagian A – Latarbelakang Responden	31
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Peringkat Umur	32
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	32
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan	33
4.2.4	Taburan Responden Mengikut Bidang Latihan	33
4.2.5	Taburan Responden Mengikut Sebab Pemilihan Mengikuti Kursus	34
4.3	Bahagian B – Analisis Deskriptif	35
4.3.1	Taburan Responden Mengikut Peratusan Frekuensi dan Min Bagi Aspek Pandangan Keperluan Pendidikan Latihan Kemahiran Dalam Pembangunan Ekonomi (Sektor Pekerjaan Berasaskan Kemahiran Oleh Industri)	36
4.3.2	Taburan Responden Mengikut Peratusan Frekuensi dan Min Bagi Aspek Pandangan Terhadap Institusi Kemahiran	38
4.3.3	Taburan Responden Mengikut Peratusan Frekuensi dan Min Bagi Aspek Kebolehan Menyesuaikan Diri Dalam Pekerjaan	40
4.3.4	Taburan Responden Mengikut Peratusan Frekuensi dan Min Bagi Aspek Jenis	



	Pekerjaan Yang Akan Diceburi	42
4.3.5	Taburan Responden Mengikut Peratusan Frekuensi dan Min Bagi Aspek Manfaat Latihan Industri	43
4.4	Kesimpulan	44
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>46</b>
5.1	Pendahuluan	46
5.2	Rumusan	46
5.3	Perbincangan	47
5.3.1	Pandangan Terhadap Kepentingan Pendidikan Latihan Kemahiran Dalam Pembangunan Ekonomi (Sektor Pekerjaan Berasaskan Kemahiran)	48
5.3.2	Harapan Terhadap Instituri Kemahiran	49
5.3.3	Kebolehan Menyesuaikan Diri Dalam Perniagaan	50
5.3.4	Jenis Pekerjaan Yang Akan Diceburi	50
5.3.5	Manfaat Latihan Industri	51
5.4	Cadangan Penyelidik	51
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	52
5.6	Kesimpulan	53
	<b>RUJUKAN</b>	<b>55</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>58</b>

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Statistik Permohonan dan Penawaran Bagi Program Pengajian Lulusan SPM/Setaraf IPTA Tahun 2000-2008	3
1.2	Jumlah Guna Tenaga Tahun 2006 Suku Ketiga Hingga 2007 Suku Kedua	5
2.1	Kementerian-kementerian, Institusi-institusi dan Kelulusan Yang Diperolehi	14
2.2	Senarai Jurusan/Kursus yang ditawarkan	16
2.3	Jumlah Pelatih Pada September 2007	17
3.1	Skala Likert	27
3.2	Jadual Penerangan Spesifikasi Soalan	27
3.3	Skala Penilaian Min Mengikut Justifikasi Jawapan	28
3.4	Instrumen Bahagian B	28
4.1	Taburan Responden Mengikut Peringkat Umur	32
4.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	32
4.3	Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan	33
4.4	Taburan Responden Mengikut Bidang Program Latihan	34
4.5	Taburan Responden Mengikut Sebab	

	Pemilihan Mengikuti Kursus	34
4.6	Pembahagian Aspek, Jumlah Item dan Nombor Item	35
4.7	Taburan Responden Mengikut Peratusan, Frekuensi dan Min Bagi Aspek Pandangan Keperluan Pendidikan Latihan Kemahiran Dalam Pembangunan Ekonomi (Sektor Pekerjaan Berasaskan Kemahiran) Oleh Industri	37
4.8	Taburan Responden Mengikut Peratusan, Frekuensi dan Min Bagi Aspek Pandangan Terhadap Institusi Kemahiran	39
4.9	Taburan Responden Mengikut Peratusan, Frekuensi dan Min Bagi Kebolehan Menyesuaikan Diri Dalam Pekerjaan	41
4.10	Taburan Responden Mengikut Peratusan, Frekuensi dan Min Bagi Jenis Pekerjaan Yang Diceburi	42
4.11	Taburan Responden Mengikut Peratusan, Frekuensi dan Min Bagi Aspek Manfaat Latihan Industri	44

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Pecahan Hala Tuju Pelajar Lulusan SPM 2005	4
2.1	Laluan Kerjaya Sistem Pendidikan Malaysia	12

## SENARAI SINGKATAN

ADTEC	Advanced Technical Training Centre
CIAST	Centre for Instructors' Advanced and Skills Training
FELDA	Federal Land Development Authority
FMM	Federation of Malaysian Manufacturers
GMI	German Malaysian Institute
HND	Higher National Diploma
HRDF	Human Resource Development Fund
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
IKTBN	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara
ILP	Institut Latihan perindustrian
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
KKBN	Kolej Kemahiran Belia Nasional
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MLVK	Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan
MPV	Mata Pelajaran Vokasional
RMK-9	Rancangan Malaysia ke-9
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SKPK	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
SS	Sangat Setuju
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
STS	Sangat Tidak Setuju
STS	Sangat Tidak setuju
TP	Tidak Pasti

UniKL

Universiti Kuala Lumpur

UTM

Universiti Teknologi Malaysia

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	58
B	Surat Pengesahan Status Pelajar	62
C	Maklumat Kebolehpercayaan	63
D	Jadual Persampelan Krejeie & Morgan	65
E	Hasil Pemerosesan SPSS	66

## **BAB I**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Untuk menjadi sebuah negara maju, antara perkara utama yang perlu diambil perhatian ialah menyediakan lebih ramai tenaga kerja mahir dan separuh mahir. Tenaga kerja ini dapat dihasilkan sekiranya sistem pendidikan negara diimbangi dengan teras kemahiran atau vokasional. Justeru, wajarlah dikatakan bahawa institusi yang menawarkan pendidikan yang berorientasikan vokasional ini mampu menyedia dan mewujudkan sejumlah besar modal insan yang boleh membawa kepada pencapaian hasrat ini.

Dalam Rancangan Malaysia ke-8, iaitu pada Bahagian Pendidikan dan Latihan, kerajaan telah merangkakan pelbagai langkah. Antaranya bagi meningkatkan tenaga manusia dalam bidang sains dan teknologi, keupayaan di sekolah teknik dan vokasional akan ditambah. Pertambahan ini akan meliputi peningkatan taraf kemudahan di 9 sekolah teknik dan 38 sekolah vokasional sedia ada. Di samping itu, 8 sekolah menengah teknik baru akan dibina dan menyediakan tempat untuk kira-kira 26,000 pelajar mata pelajaran elektif sains dan kejuruteraan, 17,600 elektif vokasional dan 17,200 aliran kemahiran.

Dalam Rancangan Malaysia ke-9 pula disebutkan, iaitu bagi tujuan mempergiatkan latihan kemahiran, program pembangunan kemahiran akan diperkukuhkan. Sehubungan ini, sejumlah 450 juta ringgit akan disediakan bagi pembinaan dan menaiktaraf politeknik dan kolej komuniti. Di bawah program latihan Kementerian Sumber Manusia, dua institut



Latihan Perindustrian dan empat Pusat Latihan Teknologi Tinggi akan dibina dengan peruntukan 148 juta ringgit. Program latihan di bawah MARA disediakan 214 juta ringgit, termasuk bagi Institut Kemahiran MARA, Institut Latihan Kemahiran Tinggi, Program Giat MARA dan UniKL. Untuk terus memenuhi permintaan industri. Program latihan berasaskan pengeluaran akan diperkenalkan di bawah German-Malaysia Institute dan British-Malaysia Institute. Di samping itu, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) akan diperluaskan skopnya untuk melaksanakan program internship dan latihan bagi siswazah.

Magendran Rajagopal (2005, Mei 6) melaporkan di akhbar Berita Harian Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, P Komala Devi berkata bahagian kementerianya sudah memohon peruntukan tambahan bagi menubuhkan lebih banyak pusat latihan vokasional dan teknikal dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) ini kerana menjangkakan permintaan untuk sektor ini akan meningkat.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Terdapat kira-kira 500 000 peluang pekerjaan yang masih belum diisi dalam empat sektor utama negara iaitu pertanian, pembinaan, pembuatan dan perkilangan. Daripada jumlah tersebut, sektor pertanian memerlukan kira-kira 200 000 pekerja, pembinaan 150 000 pekerja, manakala pembuatan dan perkhidmatan masing-masing sebanyak 100 000 dan 30 000 pekerja. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman Bakar berkata, beberapa sektor lain seperti perhotelan dan pelancongan juga menawarkan banyak peluang pekerjaan di pelbagai peringkat kepada rakyat tempatan. (Utusan Malaysia, 2005 April 9).

Daripada data di atas, menunjukkan bahawa peluang atau permintaan tenaga kerja di dalam sektor-sektor tertentu di Malaysia masih lagi mampu menampung kadar pengangguran. Namun, isu pengangguran masih lagi menjadi isu yang hangat diperkatakan.

### 1.2.1 Pecahan Hala Tuju Pelajar Lulusan SPM 2005 dan Kadar Pengangguran Negara

Untuk melihat gambaran hala tuju pelajar-pelajar lulusan SPM ini, tinjauan dilihat kepada apa yang berlaku pada tahun 2005. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan dalam akhbar Berita Harian bertarikh 10 Februari 2006, sejumlah 438,132 calon telah menduduki peperiksaan SPM pada tahun 2005. Daripada jumlah keseluruhan yang mengambil peperiksaan SPM ini, sejumlah 26,693 atau 6% telah terpilih untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi sesi 2006/2007. (Berdasarkan **Jadual 1.1** Statistik Permohonan dan Penawaran bagi program Pengajian Lulusan SPM/Setaraf Institusi Pengajian Tinggi Awam tahun 2000-2008). Daripada jumlah calon SPM 2005 ini, sejumlah 21,325 atau 5% orang pula ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran ke politeknik pada sesi kemasukan Julai 2006/2007.

Secara umumnya, sejumlah 390,114 atau 89% baki daripada bilangan ini pula boleh dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama, mereka akan melanjutkan pelajaran ke lain-lain institusi termasuk Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), tingkatan enam, atau institusi kemahiran kendalian swasta mahupun kerajaan. Sebahagian pula akan terus mencari pekerjaan.

Namun, bahagian ini agak besar jumlahnya dan selebihnya akan berada di kategori kedua iaitu tidak bekerja sama ada menganggur akibat sukar mendapat pekerjaan yang 'sesuai' atau memilih menjadi suri rumah tangga sepenuh masa.


**Jadual 1.1:** Statistik permohonan dan penawaran bagi program pengajian lulusan SPM/setaraf IPTA tahun 2000 – 2008

SESI AKADEMIK	PERMOHONAN	TAWARAN
2000/2001	124,310	31,291
2001/2002	140,845	25,511
2002/2003	127,572	22,943
2003/2004	123,200	18,046
2004/2005	128,209	18,635
2005/2006	132,415	18,927
<b>2006/2007</b>	<b>134,227</b>	<b>26,693</b>
2007/2008	135,558	25,842

(DIKEMASKINI PADA 27/03/2007)

BAHAGIAN PENGURUSAN KEMASUKAN PELAJAR, JABATAN PENGURUSAN IPT, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Negara kerugian kerana tidak dapat menggunakan tenaga manusia yang kian bertambah saban tahun dan termasuk dalam data pengangguran negara. Apa yang dapat disimpulkan di sini sejumlah bilangan yang besar ini yang tidak bekerja perlu dimanfaatkan sebagai modal insan yang boleh dilatih menerusi program latihan khususnya kemahiran dalam bidang-bidang tertentu.



Rajah 1.1: Pecahan hala tuju pelajar lepasan SPM 2005

Negara-negara yang mengarah kepada tranformasi negara maju sentiasa mengikuti perkembangan teknologi dan pengetahuan yang yang bersesuaian dengan keperluan industri. Sumber tenaga manusia atau modal insan perlu dimaksimumkan dari segi manfaatnya bagi menyumbang kepada peningkatan taraf ekonomi secara terancang. Justeru, melihat dari sudut perkembangan ekonomi yang semakin rancak ini, kadar pengangguran di Malaysia masih berada diparas yang perlu diteliti dengan sewajarnya. Berdasarkan kepada data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sehingga suku kedua 2007 terdapat 369400 orang rakyat Malaysia yang menganggur. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sejak suku ke empat 2006 iaitu 319 000 orang kepada 353 600 pada akhir tahun 2006. Jumlah ini terus meningkat pada suku pertama dan kedua 2007 dengan jumlah 365400 kepada 369400 dan kadar pengangguran in boleh dikatakan berada di tahap yang agak tinggi.

**Jadual 1.2:** Jumlah guna tenaga tahun 2006 suku ketiga hingga 2007 suku kedua.

<b>Guna Tenaga</b>	<b>2006</b>	<b>2006</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2007</b>
	<b>Suku</b>	<b>Suku</b>		<b>Suku</b>	<b>Suku</b>
	<b>Ketiga</b>	<b>Keempat</b>		<b>Pertama</b>	<b>Kedua</b>
<b>Jumlah Tenaga Buruh ('000)</b>	10,757.2	10,727.0	10,628.9	10,826.7	10,970.6
<b>Bekerja ('000)</b>	10,421.5	10,408.0	10,275.4	10,461.3	10,601.2
<b>Menganggur ('000)</b>	<b>335.7</b>	<b>319.0</b>	<b>353.6</b>	<b>365.4</b>	<b>369.4</b>
<b>Kadar Pengangguran (% daripada tenaga buruh)</b>	3.1	3.0	3.3	3.4	3.4

*Sumber Jabatan Perangkaan Malaysia (kemaskini pada 28 September 2007)*

Dengan peningkatan kadar pengangguran di Malaysia ini, permintaan sumber tenaga manusia di dalam sektor-sektor tertentu masih lagi diperkatakan mampu menyerap golongan yang tidak berkerja kecuali bagi mereka yang beralasan untuk memilih pekerjaan. Kadar pengangguran ini dapat di atasi dengan mewujudkan tenaga kerja yang berkemahiran dalam bidang-bidang tertentu. Justeru, aspirasi pekerjaan dapat dipenuhi dengan penawaran yang meluas dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh industri oleh pihak institusi pendidikan yang berteraskan kemahiran teknikal atau vokasional.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Jumlah pelajar lepasan SPM saban tahun meningkat dari semasa ke semasa. Peningkatan ini merupakan petunjuk bahawa negara mempunyai modal insan yang ramai bilangannya. Permasalahan yang diketengahkan ialah adakah sebilangan besar golongan ini mampu menjanakan produktiviti dengan semaksimum yang mungkin ditambah dengan jumlah pengangguran yang masih lagi dianggap agak tinggi dan meningkat saban tahun.

Oleh yang demikian, penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengkaji aspirasi pekerjaan para pelatih Kolej Kemahiran Belia Nasional (KKBN) terhadap latihan yang diikuti, dengan mengketengahkan beberapa aspek untuk diberi tinjauan yang diperlukan bagi memenuhi aspirasi pekerjaan seperti kepercayaan pelatih terhadap faktor luar iaitu pihak kerajaan dan swasta khususnya dalam membantu merencanakan peluang pekerjaan di bidang kemahiran ini sejajar dengan perkembangan ekonomi. Selain itu aspek yang terdekat dengan pelatih-pelatih iaitu institusi kemahiran itu sendiri yang mengketengahkan isu tenaga pengajar, peralatan atau kemudahan, sistem penilaian dan persijilan dan suasana pembelajaran yang kondusif.

Aspek yang seterusnya ialah kesan daripada institusi itu sendiri iaitu mampukah peranan institusi kemahiran itu melahirkan pekerja yang mempunyai keyakinan dan kebolehan yang diharapkan oleh industri dan apakah sebenarnya pilihan pelatih setelah tamat latihan samada berkerja sendiri atau bekerja dengan orang lain. Selain itu juga kajian ini meninjau adakah latihan dalam industri memainkan peranan dalam memenuhi aspirasi pekerjaan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

- i. Mendapatkan pandangan pelatih pusat kemahiran adakah pendidikan latihan Kemahiran memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi di Malaysia.
- ii. Mengenalpasti apakah pandangan dan harapan mereka terhadap institusi kemahiran.
- iii. Mengenalpasti kebolehan lepasan latihan kemahiran menyesuaikan diri di alam pekerjaan.
- iv. Mengenalpasti jenis pekerjaan yang akan diceburi setelah tamat latihan.
- v. Mengenalpasti adakah input dari pihak industri bermanfaat kepada kedua-dua pihak melalui latihan dalam industri.

### **1.5 Persoalan Kajian**

- i. Apakah pandangan pelatih Kolej Kemahiran Belia Nasional terhadap keperluan pendidikan latihan kemahiran diikuti terhadap pembangunan ekonomi negara khususnya terhadap sektor pekerjaan yang berteraskan kemahiran?
- ii. Apakah pandangan atau harapan pelatih terhadap institut bagi memenuhi aspirasi pekerjaan?
- iii. Adakah institusi ini mampu menyediakan keperluan pendidikan latihan kemahiran yang dapat memenuhi keperluan industri?
- iv. Apakah jenis pilihan pekerjaan yang akan diceburi setelah para pelatih tamat latihan?
- v. Adakah pihak Institut kemahiran ini bekerjasama dengan Industri dan memperoleh manfaat daripadanya ( latihan dalam industri)?

### **1.6 Rasional Kajian**

- i. Memberikan pengetahuan kepada pihak institusi kemahiran dalam menyediakan infrastruktur dan output yang dapat memenuhi keperluan industri.
- ii. Bagi pihak industri pula dapat membantu dalam merancang sumber manusia.
- iii. Memberikan pengetahuan kepada bakal pelatih yang memerlukan gambaran awal pendidikan di institusi kemahiran.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

- i. Membantu pihak kerajaan khususnya kementerian tertentu dalam pelaksanaan sistem pendidikan vokasional yang dapat memenuhi keperluan industri dengan terancang.

- ii. Panduan kepada pihak industri dalam merancang pembangunan sumber manusia.
- iii. Membantu pihak institut dalam menilai dan memperbaiki mutu pembelajaran.
- iv. Membantu bakal pelatih dalam menilai pusat kemahiran yang dapat membantu mereka dalam memenuhi aspirasi pekerjaan.
- v. Menjadikan panduan kepada penyelidik-penyelidik akan datang.

## **1.8 Batasan Dan Skop Kajian**

Kajian ini pada dasarnya untuk meninjau aspirasi pekerjaan di kalangan pelatih Kolej Kemahiran Belia Nasional di Daerah Pontian. Dalam kajian ini, pengkaji memilih responden secara rawak yang hanya dibataskan kepada pelajar yang akan menamatkan kursus pada masa yang terdekat dan jumlah ini tidak termasuk pelatih yang sedang mengikuti latihan Industri kerana sukar dihubungi. Rasional pemilihan ialah pelatih tersebut telah terdedah dengan pelbagai latihan kemahiran samada di pusat latihan atau latihan praktikal sepenuhnya. Pelatih juga dianggapkan telah meninjau secara sendiri peluang kerjaya yang bakal dicapai.

## **1.9 Definisi**

### **1.9.1 Aspirasi**

Menurut Kamus Dewan (1993), aspirasi bermaksud keinginan yang kuat bagi mencapai sesuatu atau mengadakan tujuan serta kemahuan atau keinginan untuk mengadakan sesuatu atau cita-cita.

### **1.9.2 Pelatih**

Pelatih merupakan orang yang sedang menerima latihan, Kamus Dewan (1993).

### **1.9.3 Latihan**

Proses mendapatkan kemahiran. Contohnya belajar memandu kereta. Manakala menurut Pertubuhan Perkhidmatan Tenaga Kerja ( *Manpower Services Commission* ) latihan boleh didefinisikan seperti berikut:

" Satu proses perancangan untuk merubah tingkahlaku, pengetahuan atau kemahiran melalui pengalaman pembelajaran dalam mencapai kejayaan yang berkesan melalui sesuatu aktiviti atau pelbagai aktiviti. Tujuannya adalah untuk, (dalam suasana kerja) meningkatkan keupayaan seseorang dan memuaskan kehendak semasa serta masa depan tahap guna tenaga organisasi tersebut."

### **1.9.4 Pusat Latihan**

Tempat menerima latihan adalah pelajaran atau didikan untuk memahirkan atau membiasakan (Kamus Dewan, 1993).



### **1.9.5 Kerjaya**

Perjalanan atau kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan kehidupan, atau profesion atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara mencari nafkah.

### **1.9.6 Pekerjaan**

Menurut Kamus Dewan (1993), pekerjaan bermaksud sesuatu yang diusahakan yang dilakukan secara berterusan kerana mencari nafkah.